



SIARAN MEDIA

KPKT MEMPERUNTUKKAN RM17.48 JUTA UNTUK MELESTARIKAN PEMBANGUNAN TAIPING 2024

TAIPING, 27 Julai 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meneruskan siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Taiping, Perak pada pagi ini. Sebanyak RM17.48 juta telah diumumkan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) bagi pelaksanaan projek-projek di Taiping, Perak bagi tahun 2024 yang meliputi aspek pembangunan infrastruktur awam.

YB KM mengumumkan peruntukan sebanyak **RM17,481,834.00** telah disalurkan oleh KPKT ke Negeri Perak yang melibatkan pelaksanaan projek di Taiping untuk tahun 2024 seperti berikut:

1. Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) di Taiping - RM44,000.00;
2. Pembinaan baharu Balai Bomba Dan Penyelamat Simpang Taiping - RM300,000.00;
3. Menaiktaraf Pasar Taiping - RM5,200,000.00;
4. Projek pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan Perak - RM5,014,650.00;
5. Taman Awam Kamunting - RM3,300,000.00;
6. Kemajuan Kampung Baru termasuk program bantuan baik pulih Kampung Baru Taiping - RM2,555,190.00 ;
7. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) – RM 75,000.00; dan
8. Projek penyelenggaraan lapan (8) buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Taping - RM832,994.05.

Lawatan Sentuhan Kasih KPKT di Taiping, Perak bermula dengan tinjauan ke Plaza Perbandaran Taiping. KPKT merangka program naik taraf bagi Plaza Perbandaran Taiping yang melibatkan kerja kemas cat, kerja bumbung / gutter, unjuran bumbung, kerja menggantikan pintu, *concrete paver*, jubin lantai, tangki air, naiktaraf longkang dan

juga kerja-kerja elektrik. Program naik taraf ini adalah untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta komuniti perniagaan tempatan dan juga merangsang aktiviti ekonomi negara.

Seterusnya, YB KM turut melawat projek menaik taraf pasar Taiping, pasar sementara Tupai, Taman Rekreasi MADANI Taman Tasik Taiping, projek pemasangan lampu limpah di Padang Esplanade dan tandas awam bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) di Bukit Larut. Bersempena dengan lawatan Sentuhan Kasih KPKT, YB KM turut menyempurnakan **Majlis Penyerahan Peruntukan Penyelenggaraan Bagi Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)**. Sebanyak **68 buah RIBI di seluruh negeri Perak** telah diluluskan peruntukan sejumlah **RM6,866,814.55**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM832,994.05** adalah bagi kerja-kerja penyelenggaraan **lapan (8) buah RIBI di Taiping**.

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah belanjawan berasaskan prestasi atau *“performance-based budget”*. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi”.

Turut hadir bersama ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah; Ahli Parlimen Taiping, YB Tuan Wong Kah Woh; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir; ADUN tempatan, wakil pejabat Setiausaha Kerajaan Tempatan (SUK) Negeri Perak, wakil pengurusan tertinggi KPKT serta barisan Ahli Majlis MPT.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

